

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2019

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) status terkini penerimaan 13 Kerajaan Negeri terhadap pindaan Akta Pertubuhan Belia 2007 dan Pembangunan Belia (Pindaan 2019) yang menurunkan had umur belia kepada 30 tahun; dan
- (b) bilakah Kementerian akan menyalurkan semula dana pentadbiran kepada persatuan-persatuan belia seluruh negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, selaras dengan cadangan pindaan had umur belia dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [Akta A1602] yang telah diluluskan pada 3 dan 24 Julai di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tarikh cadangan penguatkuasaan akta ini adalah pada 1 Januari 2022 dengan tempoh transisi kepimpinan pertubuhan belia sehingga 31 Disember 2021.
2. Dalam pada itu, KBS juga akan melaksanakan sesi libat urus bersama semua Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUKN) dan kepimpinan negeri bagi menerangkan pelaksanaan pindaan ini dan memudah cara transisi kepimpinan pertubuhan belia di negeri.
3. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui agensi di bawahnya iaitu Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan Institut Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memudah cara proses-proses transisi kepimpinan di peringkat pertubuhan belia melalui tiga (3) strategi iaitu:
 - a. menggerakkan penyediaan dan pelaksanaan Pelan Peralihan Kepimpinan (*Succession Plan*) Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 sejak tahun 2017 lagi. Bagi tempoh tahun 2017 sehingga 2019, adalah disasarkan sebanyak 50% bawah 30 tahun dan 50% atas 30 tahun. Pelan Peralihan Kepimpinan ini diteruskan bagi tempoh 2020 dan 2021 dengan menyasarkan sebanyak 70% bawah 30 tahun seterusnya mencapai 100% pada 31 Disember 2021;

SOALAN NO : 18

- b. melaksanakan Program Insentif Pembangunan Pemimpin Pelapis Pertubuhan menerusi program-program latihan untuk memperkasakan kepimpinan berumur 30 tahun ke bawah melalui Kursus Pengurusan Organisasi (KPO); dan
- c. meningkatkan "*Pool of Talent*" pemimpin pelapis pertubuhan melalui beberapa program seperti *Youth Power Club* (YPC), Federasi Kebangsaan Pekerja Belia (FKPB), Pemerkasaan Rakan Muda dan *Malaysia Future Leaders School* (MFLS).
4. Bagi memperkasa tadbir urus pertubuhan belia, ROY akan melaksanakan bengkel tadbir urus dan *road show* di setiap negeri bagi memberikan kefahaman berkenaan pindaan Akta 668 dan membantu pertubuhan belia dalam merangka pelan transisi kepimpinan serta menasihatkan pertubuhan belia untuk meminda perlembagaan supaya selari dengan pindaan Akta 668. Dalam pada itu, ROY juga akan menambah baik sistem e-ROY bagi memastikan pendaftaran dan urusan-urusan lain yang berkaitan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan mudah.
5. Dalam perancangan gerak kerja tahun 2020, ROY akan meneruskan pelaksanaan program penarafan bintang (*Star Rating*) yang telah dilaksanakan sebelum ini (2018/2019) kepada pertubuhan belia yang berdaftar dengan pemberat diberikan kepada pertubuhan/persatuan belia yang telah bersedia dengan proses transisi kepimpinan iaitu dari segi umur kepimpinan dan keahlian serta pencapaian dalam pelaksanaan program.
6. KBS hanya akan menyalurkan bantuan pentadbiran kepada pertubuhan belia peringkat kebangsaan sahaja pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, semua pertubuhan belia digalakkan untuk membuat permohonan bantuan kewangan bagi pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan pembangunan belia dan pembangunan sukan.

Sekian, terima kasih.